

Membangun bersama nilai insan

BERITA HARIAN 24 MAY 2025

m/s. 2

Johor Bahru: Usaha membina negara tidak seharusnya hanya tertumpu kepada pembangunan fizikal, sebaliknya perlu menekankan aspek pembinaan insan yang memiliki nilai kemanusiaan tinggi.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata konsep Malaysia MADANI menuntut rakyat, terutama golongan muda memahami erti pembangunan manusia yang merangkumi ciri mulia seperti kemanusiaan, kesederhanaan dan persefahaman antara kaum serta agama.

Yang kita nak bangunkan itu manusia dan manusia itu ada elemennya. Ada cirinya, nilainya, kemampuannya. Anak-anak muda (perlu) beri contoh yang baik bagaimana negara ini boleh disatukan.

“Dengan semangat Malaysia MADANI, ini tidak bermakna kita kurangkan semangat kaum, cintakan atau hayati agama kita. Muliakan budaya kita, seni kita, sastera kita, bahasa kita. Tidak ada salahnya, asalkan anak muda harus beri contoh,” katanya ketika merasmikan Program

MADANI Rakyat 2025 Johor, di sini, semalam.

Anwar juga menggesa golongan muda agar mengambil peluang daripada perkembangan pesat industri semikonduktor di Malaysia yang kini mendapat perhatian syarikat gergasi dunia.

Beliau berkata, Malaysia muncul sebagai hab penting semikonduktor di rantau ini bukan hanya dalam aspek rangkaian bekalan di peringkat rendah, tetapi juga menjadi destinasi pilihan pelabur utama global.